

31 JUL 2002
ICT-MINGGU/U
MESYUARAT IAP MSC JADI SEBAHAGIAN DARIPADA MINGGU ICT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) tahun ini akan diadakan pada 5-7 Sept. ini ketika acara Minggu ICT Malaysia 2002.

IAP akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Minggu ICT yang diselaraskan oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, akan diadakan pada 3-7 Sept., kata Setiausaha Parlimen Kementerian Chia Kwang Chye, di sesi taklimat di sini hari ini.

Beliau berkata Minggu ICT akan mengumpulkan semua aktiviti yang berkaitan dengan ICT termasuk mesyuarat peringkat tinggi, persidangan dan pameran yang dianjurkan secara berasingan oleh pelbagai kumpulan sebagai satu acara kebangsaan.

Acara yang bertemakan "Komunikasi, Multimedia dan Anda" itu, akan memasukkan Ekspo dan Forum MSC-Komunikasi dan Multimedia Asean (ACM), Ekspo MSC Multimedia Asia dan Sidang Kemuncak Perniagaan MSC-IAP, katanya.

Kira-kira 20,000 pelawat dagangan dan delegasi dijangka menghadiri acara seminggu itu.

Minggu itu akan turut menyaksikan sebuah seminar ICT yang bermatlamat untuk melengkapkan wanita dengan perkakasan yang berkaitan anjuran PUSPANITA (Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia), katanya.

Chia berkata objektif utama semua acara ICT dikumpulkan adalah untuk memaksimumkan impak dari usaha untuk meletakkan Malaysia sebagai pengkalan ICT.

Beliau berkata Minggu ICT Malaysia 2002 juga bermatlamat untuk menyambungkan jurang digital di kalangan rakyat Malaysia kerana maklumat adalah aset penting bagi kedua-dua individu dan negara, tanpanya negara akan ketinggalan.

Kesedaran ICT di negara ini mungkin tidak mencukupi. Sebab itulah, orang ramai perlu menyertai dan melengkapkan diri dengan perkakasan ICT dengan sempurna dan dalam proses itu membolehkan negara bersaing di peringkat antarabangsa, katanya.

Sebanyak 300 buah syarikat dari 25 buah negara akan mempamerkan teknologi dan rumusan komunikasi dan multimedia terkini, daripada komunikasi bimbit, jalur lebar wayarles, akses internet berkelajuan tinggi, hingga ke rumusan satelit, e-keselamatan dan perangkaian keusahawanan.

Tentang Sidang Kemuncak Perniagaan Multimedia MSC, para penceramahnyanya termasuk anggota IAP MSC yang akan memberikan perkembangan dan aliran terkini serta dasar dan amalan dalam ICT.

Antara tajuk yang akan dibincangkan adalah keganasan siber, 2.5G atau 3G, cabaran sektor telekomunikasi Asia, inisiatif Asean dalam mewujudkan pasaran dinamik dan penilaian MSC oleh anggota IAP.

Selain 30 seminar teknologi percuma, akan ada pelancaran dan persembangan produk baru, termasuk pengenalan untuk kali pertama di Malaysia, "i-mode" oleh NTT Docomo dari Jepun.

Acara-acara lain termasuk seminar E-Keselamatan Kebangsaan ke-2 oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). -- BERNAMA

MR KTC JR